

## PERKEMBANGAN PERSONALITI PELAJAR PROGRAM PENGAJIAN PENDIDIKAN

Muhammad Bazlan Mustafa, Ahmad Jazimin Jusoh, Syed Sofian Syed Salim,  
Mohammad Nasir Bistaman, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip

*Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak*

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti perkembangan personaliti pelajar yang mengikuti program pengajian pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Maklumat diperoleh melalui soal selidik melibatkan 607 orang pelajar orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian di Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia. Satu set soal selidik telah digunakan untuk mengenal pasti maklumat diri dan faktor-faktor pendorong pelajar mengikuti kursus pendidikan. Personaliti pelajar diukur dengan menggunakan *NEO Personality Inventory-Revised* (NEO-PI-R). Personaliti pelajar diukur berdasarkan lima domain personaliti iaitu Neurotisme, Ekstraversi, Keterbukaan, *Agreeableness* dan *Conscientiousness*. Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan Neurotisme berdasarkan tahun pengajian. Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan Ekstraversi, Keterbukaan, *Agreeableness* dan *Conscientiousness* berdasarkan tahun pengajian. Ini menunjukkan terdapat perkembangan personaliti Neurotisme setelah tiga tahun mengikuti pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Mereka lebih stabil dari segi emosi dan dapat mengawal perasaan seperti ketakutan, kesedihan, memalukan, marah, benci yang amat sangat pada seseorang atau sesuatu.

**Kata kunci** Perbezaan Personaliti, Perkembangan Personaliti,  
Program Pengajian

### **Abstract**

*This study aimed at identifying the personality development of students pursuing education programs at Universiti Pendidikan Sultan Idris. Information obtained through a survey involving 607 students from students who are studying at the Faculty of Education and Human Development. A questionnaire was used to identify the personal information and the factors*

*motivating students to pursue education course. Students personality measured by the NEO Personality Inventory-Revised (NEO-PI-R). Personality is measured based on five personality domains which are Neuroticism, Extraversion, Openness, Agreeableness and Conscientiousness. The results showed significant differences in Neuroticism based on years of study. The results showed that there were no significant differences in Extraversion, Openness, Agreeableness and Conscientiousness based on years of study. This shows that there is Neuroticism personality development after three years of study at Universiti Pendidikan Sultan Idris. They are more emotionally stable and able to control their emotions like fear, sadness, shame, anger, deep hatred on someone or something.*

**Keywords**            *Personality differences, Personality development, Education program*

## **PENGENALAN**

Profesion perguruan merupakan profesion yang profesional. Semasa latihan, bakal guru didedahkan dengan teori perguruan seperti falsafah pendidikan, teori pembelajaran, psikologi pendidikan, sosiologi pendidikan, pedagogi, teknologi pendidikan dan pengajian dalam kursus-kursus asas atau kaedah. Guru juga perlu melaksanakan pelbagai tugas dan memenuhi kehendak semasa, hanya guru yang mempunyai personaliti yang mantap sahaja dapat melaksanakannya. Dengan pelbagai masalah sosial yang melanda remaja sekarang, guru perlu menjadi *role model* kepada pelajarannya. Segala tingkah laku dan perbuatan guru akan mempengaruhi sikap dan pembelajaran pelajar.

Oleh kerana guru menjadi *role model* kepada pelajar, mereka perlu memiliki personaliti yang mantap. Mengikut Pervin (1980) personaliti menggambarkan sifat (characteristics) seseorang atau manusia secara umumnya dalam menghasilkan corak tindak balas yang konsisten terhadap situasi. Manakala mengikut Allport (1961) personaliti ialah organisasi dinamik (dynamic organization) dalam sistem psikofizikal (psychophysical system) individu yang menentukan ciri-ciri tingkah laku dan pemikiran seseorang. Menurut Allport, organisasi dinamik bermakna personaliti itu sentiasa berkembang dan berubah secara dinamik. Manakala sistem psikofizikal pula bermakna personaliti adalah kombinasi minda dan badan fizikal yang berfungsi bersama sebagai satu unit.

Guru yang cemerlang dikaitkan dengan personaliti diri atau *personal characteristics*. Kajian Grieve (2010) menunjukkan guru yang cemerlang ialah guru yang memiliki kualiti diri dan kemahiran interpersonal. Kajian Hay McBer (2000) menunjukkan guru yang cemerlang ialah guru yang boleh mempamerkan empati, disukai oleh pelajar, beri galakan kepada pelajar dan membuat mereka merasa selamat. Kajian Muhammad Bazlan (2011) keatas pelajar perubatan menunjukkan terdapat perkembangan personaliti

khususnya kepada pelajar Tahun Keempat dan Kelima berbanding pelajar Tahun Ketiga, Kedua dan Pertama. Ini amat penting kerana pelajar Tahun Keempat dan Kelima akan menamatkan pengajian dalam tempoh terdekat dan perlu memiliki personaliti yang bersesuaian dengan kerjaya sebagai pegawai perubatan. Oleh itu kajian perlu dilakukan untuk mengenal pasti perkembangan personaliti pelajar yang mengikuti kursus pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian mengenai profil dan personaliti bakal guru amat penting kerana seseorang itu bertindak ataupun melakukan sesuatu mengikut tret personaliti. Tret personaliti merupakan ciri-ciri yang dapat meramalkan tingkah laku seseorang secara konsisiten.

## **SOROTAN LITERATUR**

Costa dan McCrae (1992) telah menggunakan Model Lima-Faktor untuk mengukur lima domain yang mengandungi tret atau *facet* yang penting dalam setiap domain. Lima domain tersebut ialah Neurotisme (Neuroticism), Ekstraversi (Extraversion), Keterbukaan (Openness), *Agreeableness* dan *Conscientiousness*. Domain utama dalam skala personaliti yang bertentangan dengan kestabilan emosi iaitu keadaan salah suai atau Neurotisme. Neurotisme ialah kecederungan yang menyebabkan seseorang itu mempunyai perasaan seperti ketakutan, kesedihan, memalukan, marah, kesalahan, benci yang amat sangat pada seseorang atau sesuatu.

Domain kedua dalam skala personaliti ialah Ekstraversi. Orang yang ekstrovert sudah tentu suka bersosial, tetapi suka bersosial bukan satu-satunya tret yang terdapat dalam domain Ekstraversi. Ia termasuk juga suka berjumpa orang lain atau menghadiri perhimpunan orang ramai. Seseorang yang ekstrovert juga seorang yang asertif, aktif dan suka bercakap. Mereka suka kepada kegembiraan, memberi dorongan dan ceria walaupun keadaan tidak menyenangkan. Mereka seorang yang riang, bertenaga dan optimistik (Costa, McCrae & Holland, 1984). Manakala orang yang introvert pula berkecenderungan mengelak daripada menunjukkan perasaan sendiri dan kelihatan tidak ramah dengan orang lain iaitu tidak mesra, lebih suka menjadi pengikut dan kelihatan tidak cergas. Orang yang introvert mungkin mengatakan mereka malu bila mereka memilih untuk bersendirian. Mereka tidak semestinya menderita dengan kebimbangan sosial. Akhirnya, walaupun mereka tidak ada semangat kegembiraan yang tinggi sepertimana orang ekstrovert, orang introvert tidak semestinya tidak gembira atau pesimis (McCrae & Costa, 1987).

Keterbukaan merujuk kepada beberapa elemen iaitu suka berimajinasi, sensitif terhadap keindahan (estetik), memberi perhatian kepada perasaan, suka kepelbagaian, intelektual, dan tidak bergantung kepada penilaian orang lain. *Agreeableness* ialah dimensi ke arah kecenderungan interpersonal. Orang yang *agreeable* pada asasnya ialah altruistik. Beliau sangat simpati kepada orang lain dan berminat untuk menolong mereka dan percaya yang seseorang pada satu hari akan memberi bantuan sebagai

balasan. Secara berlawanan, orang yang *disageeable* atau *antagonistic* ialah seorang yang egosentrik, tidak mempercayai niat orang lain dan lebih suka bersaing dan bermusuhan daripada bekerjasama. *Conscientiousness* mengikut teori personaliti, khususnya teori psikodinamik ialah mengenai kawalan *impulse* (desakan secara tiba-tiba untuk bertindak tanpa memikirkan akibatnya). *Conscientiousness* juga melihat bagaimana individu itu belajar mengawal keinginannya dan ketidakupayaan mengawal *impulse* dan godaan akan menyebabkan tingginya *neuroticism* dalam kalangan dewasa. Kawalan diri juga merujuk kepada kecekapan dalam proses membuat perancangan, mengurus dan memikul tugas. Perbezaan individu berkaitan dengan kecenderungan merupakan asas kepada tret personaliti *Conscientiousness* (Costa dan McCrae, 1992).

Terdapat kajian lepas yang menunjukkan personaliti mempunyai hubungan dengan kepuasan kerja dan stres (Lai Ai Huey, 2012; Boudreau, Boswell, Judge dan Bretz, 2001; Judge, Heller dan Mount, 2002). Kajian Gracia, Munoz dan Carrasco-Ortiz (2004) menunjukkan terdapat hubungan guru yang mendapat skor tinggi dalam masalah emosi dan *depersonalization* dengan skor tinggi dalam Neurotisme. Kajian Azlina dan Tan Sew Lee (2008) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan Neurotisme, Ekstraversi, *Agreeableness* dan *Conscientiousness* dengan kepuasan kerja. Manakala kajian Ahart (2003) dan Cook (2005) menunjukkan terdapat hubungan tret personaliti dengan stres kerja. Kajian Jugovic, Marusic, Ivanec dan Vidovic (2012) menunjukkan personaliti Ekstraversi, *Agreeableness* dan *Conscientiousness* mempunyai hubungan yang positif manakala Neurotisme mempunyai hubungan yang negatif dengan kepuasan kerjaya sebagai guru. Kajian Basim, Begenirbas dan Yalcin (2013) menunjukkan terdapat hubungan yang positif personaliti Neurotisme dengan kelesuan emosi dalam kalangan guru. Menurut Matthews, Deary dan Whiteman (2003), tret personaliti mempunyai unsur genetik yang menyebabkan perbezaan individu dalam menghadapi reaksi psikologikal. Contohnya, individu yang mempunyai ciri neurotik akan mudah kecewa dan berkecenderung mengalami stres kerja serta kurang berkebolehan untuk menanganinya. Kajian Fuiks (2008) menunjukkan terdapat hubungan antara *burn out* dengan personaliti dalam kalangan guru.

Kajian Burket (2011) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan personaliti Keterbukaan dan *Conscientiousness* dengan kecekapan mengurus kelas. Kajian Mohamad Azwan (2012) pula menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan personaliti *Agreeableness* dengan kecerdasan emosi. Kajian Wahdatul Aqilah (2013) pula menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan personaliti Neurotisme dengan efikasi-kendiri dan terdapat hubungan positif yang signifikan *Conscientiousness* dengan efikasi-kendiri.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian tinjauan untuk mengenal pasti perkembangan personaliti pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris. Maklumat berkaitan personaliti pelajar diperoleh melalui soal selidik. Kajian ini dijalankan di Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Responden kajian merupakan pelajar yang sedang mengikuti pengajian di Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Jabatan Pendidikan Khas dan Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Personaliti pelajar UPSI dalam kajian ini diukur berdasarkan lima dimensi utama iaitu Neurotisme, Ekstraversi (Extraversion), Keterbukaan (Openness), *Agreeableness* dan *Conscientiousness*. Alat pengukuran yang digunakan untuk pengumpulan data dalam kajian ini ialah satu set soal selidik. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu : 1) Bahagian A : Biodata Diri dan faktor-faktor pelajar memasuki UPSI; 2) Bahagian B : *NEO Personality Inventory-Revised* (NEO-PI-R). *NEO Personality Inventory-Revised* (NEO-PI-R; Costa & McCrae 1992) mengandungi 240 soalan dan mengukur “Big-Five” faktor personaliti iaitu Neurotisme, Ekstraversi, Keterbukaan, *Agreeableness* dan *Conscientiousness*. NEO-PI-R mengandungi 30 sub-trait (enam bagi setiap faktor utama). Setiap *facet* mengandungi lapan soalan. Item dalam soal selidik ini meliputi soalan mengenai behavior tipikal atau reaksi yang dijawab berdasarkan Skala Likert lima mata bermula dari “sangat tidak setuju” kepada “sangat setuju”.

## DAPATAN KAJIAN

Analisis ANOVA sehalu seperti mana yang terdapat dalam Jadual 1 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan personaliti Neurotisme [ $F(2,587) = 5.20, p < .05$ ] berdasarkan tahun pengajian. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan personaliti Ekstraversi [ $F(2,587) = 0.40, p > .05$ ], Keterbukaan [ $F(2,587) = 0.15, p > .05$ ] dan *Agreeableness* [ $F(2,587) = 0.43, p > .05$ ] berdasarkan tahun pengajian.

**Jadual 1** Keputusan ANOVA sehalu perbezaan personaliti berdasarkan tahun pengajian

Personaliti	Sumber	JKD	dk	MKD	F	p
Neurotisme	Antara Kumpulan	1027.27	2	513.63	5.20	.006*
	Dalam Kumpulan	57963.95	587	98.75		
Ekstraversi	Antara Kumpulan	80.65	2	40.33	.40	.669
	Dalam Kumpulan	58762.66	587	100.11		
Keterbukaan	Antara Kumpulan	29.99	2	14.99	.15	.861
	Dalam Kumpulan	58566.73	587	99.77		

<i>Agreeableness</i>	Antara Kumpulan	87.50	2	43.75	.43	.649
	Dalam Kumpulan	59411.97	587	101.21		
<i>Conscientiousness</i>	Antara Kumpulan	27.55	2	13.77	.14	.873
	Dalam Kumpulan	59455.11	587	101.29		

*Nota: Signifikan pada aras .05*

Jadual 2 melaporkan keputusan Ujian *Post Hoc Tukey* yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan paling besar min Neurotisme antara pelajar Tahun Kedua 51.06 berbanding pelajar Tahun Ketiga 48.28 Ini menunjukkan pelajar Tahun Kedua lebih cenderung mengalami perasaan takut, marah, sedih, malu, bersalah, benci pada seseorang atau sesuatu berbanding pelajar Tahun Ketiga. Dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan min Neurotisme yang signifikan antara pelajar Tahun Pertama iaitu 51.04 berbanding dengan Tahun Ketiga 48.28

**Jadual 2** Ujian *Post Hoc Tukey* bagi Neurotisme dalam kalangan pelajar mengikut tahun pengajian

Personaliti	Tahun Pengajian	Tahun Pengajian	Perbezaan Min	<i>p</i>
<i>Neurotisme</i>	Tahun Pertama	Tahun Ketiga	2.76*	0.014
	51.04	48.28		
	Tahun Kedua	Tahun Ketiga	2.78	0.018
	51.06	48.28		

Analisis perkembangan personaliti pelajar dibuat berdasarkan tahun pengajian iaitu melibatkan pelajar tahun satu, kedua dan ketiga sahaja. Ini kerana pelajar tahun keempat sedang menduduki praktikum/ Internship semasa kutipan data dilakukan. Keputusan kajian menunjukkan hanya terdapat perbezaan personaliti Neurotisme berdasarkan tahun pengajian. Keputusan Ujian *Post Hoc Tukey* menunjukkan terdapat perbezaan signifikan min Neurotisme antara pelajar Tahun Kedua berbanding pelajar Tahun Ketiga.

## PERBINCANGAN

Keputusan kajian menunjukan min Neurotisme pelajar Tahun Tiga paling rendah. Ini menunjukkan terdapat perkembangan personaliti Neurotisme setelah tiga tahun mengikuti pengajian di UPSI. Mereka lebih stabil dari segi emosi dan dapat mengawal perasaan seperti ketakutan, kesedihan, memalukan, marah, kesalahan, benci yang amat sangat pada seseorang atau sesuatu. Keputusan kajian juga menunjukkan pelajar Tahun Kedua lebih cenderung mengalami perasaan takut, marah, sedih, malu, bersalah, benci pada seseorang atau sesuatu berbanding pelajar Tahun Ketiga. Dapatan juga

menunjukkan terdapat perbezaan min Neurotisme yang signifikan antara pelajar Tahun Pertama berbanding dengan Tahun Ketiga. Min Neurotisme pelajar tahun pertama lebih tinggi berbanding Tahun Ketiga. Ini menunjukkan pelajar Tahun Ketiga lebih stabil dari segi emosi berbanding dengan pelajar lain. Keupayaan mereka mengawal *impulse* (desakan secara tiba-tiba untuk bertindak tanpa memikirkan akibatnya) dan Neurotisme yang rendah merupakan karakter yang diperlukan sebagai guru. Ini kerana tugas sebagai guru sentiasa berurusan dengan orang lain iaitu pelajar, ibu bapa dan juga rakan sekerja. Kajian Muhammad Bazlan (2011) juga menunjukkan terdapat perbezaan personaliti Neurotisme berdasarkan tahun pengajian. Walau bagaimanapun kajian ini dijalankan keatas pelajar perubatan.

Skor Neurotisme yang rendah amat penting kerana kajian Jugovic, Marusic, Ivanec dan Vidovic (2012) menunjukkan Neurotisme mempunyai hubungan yang negatif dengan kepuasan kerja sebagai guru. Kajian Basim, Begenirbas dan Yalcin (2013) menunjukkan terdapat hubungan yang positif personaliti Neurotisme dengan kelesuan emosi dalam kalangan guru. Menurut Matthews, Deary dan Whiteman (2003), tret personaliti mempunyai unsur genetik yang menyebabkan perbezaan individu dalam menghadapi reaksi psikologikal. Contohnya, individu yang mempunyai ciri neurotik akan mudah kecewa dan berkecenderung mengalami stres kerja serta kurang berkebolehan untuk menanganinya.

Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan perkembangan personaliti Ekstraversi, Keterbukaan, *Agreeableness* dan *Conscientiousness* berdasarkan tahun pengajian. Keputusan kajian ini mungkin disebabkan data kajian hanya melibatkan pelajar Tahun Pertama, Tahun Kedua dan Tahun Ketiga sahaja. Kajian tidak melibatkan pelajar di Tahun Keempat yang sedang menjalani praktikum/internship. Walaubagaimana pun pihak fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia perlu merangka program dan strategi untuk meningkatkan lagi personaliti khususnya *Conscientiousness* dalam kalangan pelajar. Ini kerana individu yang tinggi dalam *Conscientiousness* dikaitkan dengan pencapaian yang cemerlang dalam akademik dan pekerjaan.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat perkembangan personaliti Neurotisme berdasarkan tahun pengajian dan tidak terdapat perkembangan yang signifikan personaliti Ekstraversi, Keterbukaan, *Agreeableness* dan *Conscientiousness* berdasarkan tahun pengajian. Perkembangan personaliti Neurotisme amat penting dalam kerjaya sebagai guru. Neurotisme yang tinggi akan menyebabkan mereka mudah kecewa dan berkecenderung mengalami stres kerja serta kurang berkebolehan untuk menanganinya. Neurotisme juga mempunyai hubungan yang negatif dengan kepuasan kerja sebagai guru.



## RUJUKAN

- Ahart, A. M. (2003). *Determining the Student Behaviors Contributing to Teacher Stress and the Relationship between these Behaviors and Teacher Characteristics*. University of Minnesota: A Doctorial Dissertation.
- Allport, G.W. (1961). *Pattern and growth in personality*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Azlina Mohd Kosnin dan Lee, T.S.( 2008). Pengaruh personaliti terhadap kepuasan kerja dan stres kerja guru. *Jurnal Teknologi*, Jun 2008: 33–47
- Basim, H.N., Begenirbas, M dan Yalcin, R.C (2013). Effects of teacher personalities on emotional exhaustion: Mediating role of emotional labor. *Educational Sciences: Theory & Practice*. 13(3) : 1488-1496
- Boudreau, J. W., W. R. Boswell, T. A. Judge dan R. D. Bretz. (2001). Personality and cognitive ability as predictors of job search among employed managers. *Personnel Psychology*. 54(1): 25-50.
- Burkett, M.C. (2011). Relationships among teachers' personality, leadership style, and efficacy of classroom management. Disertasi Ph.D Universiti Southern Mississippi
- Costa, P.T. Jr. & McCrea, R.R. (1992). *NEO PI-R. Profesional Manual*. N. Florida Ave: Psychological Assessment Resources, Inc.
- Cook, V. D. (2005). *An Investigation of the Construct Validity of the Big Five Construct of Emotional Stability in Relation to Job Performance, Job Satisfaction, and Career Satisfaction*. University of Tennessee: A Doctorial Dissertation.
- Costa, P.T., McCrae, R.R. & Holland, J.L. (1984). Personality and vocational interest in an adult sample. *Journal of Applied Psychology* 69: 390-400.
- Fuiks, K.Z. (2008). Personality, Organizational, and Individual Characteristics: Key Predictors of Burnout among Teachers. Disertasi Doktor Falsafah Universiti Northcentral
- Gracia, F.J.C, Munoz, E.M.P & Ortiz, M.A.C. (2005). Personality and contextual variables in teacher burnout. *Personality and Individual Differences*. 38: 929–940
- Grieve, A. M. (2010). Exploring the characteristics of 'teachers for excellence': teachers' own perceptions. *European Journal of Teacher Education*. 33(3): 265–277
- Hay McBer. 2000. *Research into teacher effectiveness*. London: Department for Education and Employment.
- Judge, T. A., D. Heller dan M. K. Mount. (2002). Five-factor model of personality and job satisfaction: A metaanalysis. *Journal of Applied Psychology*. 87(3): 530-541.
- Jugovic, I., Marusic, I., Ivanec, T. P., dan Vidovic, V. V. (2012). Motivation and personality of preservice teachers in Croatia. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*. Vol. 40, No. 3, August 2012, 271–287
- Lai Ai Huey. (2012). Hubungan personaliti dengan stress dalam kalangan guru sekolah rendah. Kertas projek tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.



- Matthews, G., I. J. Deary dan M. C. Whiteman. (2003). *Personality Traits*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- McCrae, R.R. & Costa, P.T. (1987). Validation of the five-factor model of personality across instruments and observers. *Journal of Personality and Social Psychology* 52: 81-90.
- Mohamad Azwan Ahmad ( 2012). Personaliti dan kecerdasan emosi pelajar tingkatan enam Sekolah Menengah Kebangsaan Putra di daerah Besut. Kertas projek tidak diterbitkan. Tanjong Malim:Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Bazlan Mustafa. (2011). Hubungan dan pengaruh sokongan ibu bapa, personaliti, efikasi-kendiri ke atas kemurungan dalam kalangan pelajar perubatan. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pervin, L.A. (1980). *Personality, theory, assessment and research*. Ed. ke-3. New York: John Wiley & Sons
- Wardatu Aqilah Awang. (2013). Personaliti dan efikasi sendiri pelajar bimbingan dan kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kertas projek tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.